

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2023**

Tarikh : 29 Mac 2023 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.35 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MAC 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mac 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang ketiga bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Timbalan Datuk Bandar berkongsi beberapa amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Malaysia. Amanat pertama daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berkenaan ucapan dalam perjumpaan bersama warga kerja bagi bulan Mac pada 6 Mac 2023 di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya.

Perdana Menteri mengingatkan supaya warga perkhidmatan awam terutamanya dikalangan pegawai agar menjaga akhlak, tidak mengejar kuasa dan kekayaan serta menegur secara berhemah perlu dijadikan amalan seseorang pemimpin dalam menunaikan tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

Sesebuah tamadun perlu diperkukuh dengan adanya seorang pemimpin yang mempunyai nilai akhlak seumpama itu. Sesebuah tamadun akan runtuh sekiranya seseorang pemimpin gelojoh kuasa, kejar kekayaan, terlibat rasuah dan berhasad dengki. Konsep Malaysia MADANI diperkenal bagi membina sebuah tamadun yang mempunyai nilai dan akhlak tinggi serta

menitikberatkan aspek sama rata dalam memimpin sebuah negara dengan rakyat berbilang kaum.

Seterusnya, amanat kedua Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan Festival Taman Kuala Lumpur 2023 di Tasik Titiwangsa pada 10 Mac 2023 meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan memberi tumpuan kepada perancangan bandar yang seimbang supaya tidak lagi meminggirkan rakyat sehingga wujud golongan miskin bandar dan isu kesesakan. Keseimbangan perlu ada di antara pembangunan dan keindahan alam sekitar.

Isu sedemikian menunjukkan terdapat kelemahan akibat perancangan tidak seimbang sehingga usaha mewujudkan kemudahan perumahan untuk rakyat turut ketinggalan.

Amanat ketiga pula disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan semasa Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Ipoh pada 11-12 Mac 2023 menyatakan bahawa konvensyen PBT merupakan platform perkongsian amalan terbaik (*best practices*) berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran yang inovatif dan kreatif serta medium penyampaian aspirasi Kerajaan Persekutuan terhadap peranan dan tanggungjawab PBT dalam pembangunan masa kini.

Pengukuhan tadbir urus PBT perlu ditransformasikan bagi membangunkan keupayaan organisasi PBT dalam memberikan perkhidmatan yang meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Konvensyen ini memberi fokus kepada prinsip mendaya upaya penyampaian perkhidmatan teras PBT yang MADANI melalui pengukuhan tadbir urus perbandaran, peningkatan keupayaan organisasi serta bagi meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan PBT kepada rakyat.

- ii) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu usaha Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi dalam membasmi golongan miskin tegar. Melalui program ini, kerajaan menyasarkan peserta IPR berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM 2,000.00 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan.

IPR bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan membabitkan kerjasama kerajaan, rakyat dan rakan strategik.

IPR membabitkan tiga model iaitu :

BIL	MODEL	PENERANGAN
1.	Inisiatif Usahawan Tani (INTAN)	Inisiatif untuk merekrut golongan sasar yang berminat dalam pertanian dengan memilih hasil tanaman yang tinggi dalam jumlah import seperti cili, halia dan jagung
2.	Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN)	Menyasarkan peserta menjual makanan umum pada harga rendah menerusi

BIL	MODEL	PENERANGAN
		perniagaan mesin layan diri yang mampu meningkatkan jualan melalui penambahan lokasi tumpuan
3.	Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)	Merekrut golongan sasaran yang berminat untuk bekerja sebagai pekerja pembersihan sekaligus mampu mengatasi masalah kekurangan buruh bagi menyelenggara beberapa kemudahan awam

MBSJ turut menyokong hasrat Kerajaan bagi model INSAN dan sedang dalam proses mengenal pasti peniaga dan menempatkan 1 unit mesin layan diri di hadapan kafeteria Bangunan Ibu Pejabat MBSJ.

- iii) Timbalan Datuk Bandar memaklumkan berkenaan penularan di media sosial dan media cetak berkenaan aduan pencemaran air dan bau serta tambakan sampah haram di kawasan Bukit Serdang 5, Seri Kembangan.

Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam tindakan mendakwa pemilik tanah dan operator yang didakwa melakukan kesalahan tersebut. Lima belas (15) pertuduhan telah difailkan ke atas enam (6) individu di bawah Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen

18 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1972 (Akta 172) dan Seksyen 70A(9) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Pertuduhan pertama ke atas operator di bawah kesalahan Seksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah disebut di hadapan Majistret Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya, Puan Farah Azura Mohd Saad pada 10 Mac 2023 di mana operator tersebut telah membuat pengakuan tidak bersalah. Sebutan semula bagi kes ini telah ditetapkan pada 30 Mei 2023, manakala kes-kes lain telah difailkan di Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya pada 23 Mac 2023.

Selanjutnya, MBSJ dalam proses memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi mendapatkan perintah injunksi ke atas lapan (8) pemilik lot tanah dan operator bagi menghalang pencemaran dan kacau ganggu daripada terus berlaku dan menyelesaikan pencemaran udara, air serta tanah akibat aktiviti tambakan sampah haram di kawasan Bukit Serdang 5, Seri Kembangan.

Permohonan injunksi secara *ex-parte* juga akan difailkan secara serentak bagi memperolehi perintah *interim* injunksi terhadap lapan (8) pemilik lot tanah dan juga operator agar pencemaran atau kacau ganggu udara, air serta tanah yang berlaku di kawasan Bukit Serdang 5, Seri Kembangan dapat dihentikan serta merta.

Pihak Majlis memandang serius tindakan tidak bertanggungjawab operator dan pemilik tanah yang telah membuat tambakan sampah

secara haram sehingga menimbulkan kacau ganggu air dan bau yang serius kepada masyarakat setempat.

Pihak Majlis tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan kacau ganggu khususnya pembuangan sampah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pemilik tanah juga tidak akan terlepas daripada tindakan Mahkamah dan akan sama-sama bertanggungjawab terhadap apa-apa aktiviti haram dan pembuangan sampah yang dilakukan di atas tanah mereka.

Pihak Majlis juga menegaskan bahawa sebaik sahaja perintah injuksi *interim* diperolehi daripada Mahkamah, pemilik-pemilik lot tanah yang terlibat perlu mematuhi perintah *interim* injuksi Mahkamah dengan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memastikan pencemaran yang berlaku dapat dihentikan dengan serta merta.

Untuk rekod, kes pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Majlis manakala kes saman Majlis difailkan melalui peguam Tetuan Manjit Singh Sachdev dan Mohammad Radzi And Partners.

Masyarakat setempat yang mempunyai maklumat lanjut berkenaan kes ini diminta untuk menyalurkan maklumat tersebut secara terus kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya melalui e-mel Majlis di talian mbsj@mbsj.gov.my

- iv) Seterusnya pemakluman berkenaan pengoperasian Bazar Ramadan MBSJ tahun 2023 bermula 23 Mac 2023 sehingga 21 April 2023. Bagi mengimarahkan bulan Ramadan, Pihak Pengurusan MBSJ bersama YB ADUN dan Ahli Majlis Kawasan akan berkunjung ke lima lokasi Bazar Ramadan untuk menyantuni para peniaga dan pengunjung Bazar Ramadan.

Pada tahun ini, MBSJ masih melaksanakan Kempen Kelestarian Alam Sekitar di Bazar Ramadan MBSJ. *Sempena Program Walkabout Bazar Ramadan MBSJ 2023, pemberian kupon makanan bernilai RM 10.00 akan diberikan kepada 100 orang pengunjung Bazar Ramadan yang terawal dan membawa bekas makanan sendiri.*

Program Walkabout Bazar Ramadan MBSJ 2023 akan diadakan di lokasi berikut:

Bil	Lokasi	Tarikh
1.	Bazar Ramadan Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan	29 Mac 2023
2.	Bazar Ramadan USJ 4, Subang Jaya	30 Mac 2023
3.	Bazar Ramadan BK 5, Bandar Kinrara	4 April 2023
4.	Bazar Ramadan Taman Puchong Prima (OTK)	7 April 2023
5.	Bazar Ramadan Taman Sri Serdang	13 April 2023

Pada 30 Mac 2023 (Khamis), Program Walkabout Bazar Ramadan MBSJ 2023 dengan kerjasama Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDECE) akan melancarkan Program Bazar Ramadan *Cashless* 2023 di Bazar Ramadan USJ 4, Subang Jaya.

- v) Seterusnya, MBSJ akan melaksanakan perkhidmatan kutipan sampah pukal sempena Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini melalui KDEB Waste Management Sdn. Bhd dengan menawarkan perkhidmatan kutipan sampah pukal khusus untuk penduduk yang merayakan sambutan Aidilfitri di kawasan perumahan teres / *'landed property'* yang berada dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Perkhidmatan ini adalah untuk kutipan sampah pukal yang terdiri daripada tilam, perabot dan seumpamanya. Namun demikian, perkhidmatan ini tidak termasuk sampah ubah suai rumah, pindah rumah, barangan elektrik serta barangan kitar semula.

Penduduk boleh membuat permohonan terus kepada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. melalui talian telefon 03-8081 4437 atau aplikasi whatsapp 011-3558 4437. Tarikh permohonan bermula 3 April 2023 hingga 10 April 2023 dan kutipan akan dibuat pada 4 April 2023 hingga 18 April 2023.

- vi) Timbalan Datuk Bandar turut memaklumkan bermula 1 Mac 2023, MBSJ telah menggunakan sepenuhnya Sistem Pengurusan Aduan yang baharu iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) menggantikan Sistem I-Responz. Kerajaan Negeri Selangor telah

memutuskan untuk penggunaan Sistem Pengurusan Aduan seragam iaitu SISPAA bagi semua PBT Negeri Selangor. Untuk makluman, SISPAA ini telah dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri.

Oleh itu, Sistem I-Responz telah dihentikan penggunaan bagi aduan baru bermula 1 Mac 2023, termasuk aplikasi telefon mudah alih 'Aduan MPSJ'. Aplikasi telefon mudah alih 'Aduan MBSJ' telah digantikan dengan aplikasi 'Respons Rakyat'. Walau bagaimanapun, Sistem I-Responz dan aplikasi 'Aduan MBSJ' masih boleh digunakan bagi tujuan semakan aduan yang masih belum diberi maklum balas bagi bulan Februari 2023 dan sebelumnya.

- vii) Seterusnya pemakluman berkenaan kejayaan MBSJ yang mendapat tempat pertama bagi Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Tahun 2022 di antara 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dengan pengumpulan sebanyak 154,845.60kg pada 4 Mac 2023 di Masjid Kota Raja, Klang. Penilaian ini telah dilaksanakan oleh Pejabat Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal.

Selain itu juga, pasukan bola sepak wanita MBSJ FC telah muncul juara Liga Super Wanita FAS 2023 menerusi penentuan sepakan penalti 3-0 selepas terikat 1-1 dengan UPNM FC dalam aksi perlawanan akhir pada 19 Mac 2023 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir

Shah berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan serta menyempurnakan majlis penyampaian trofi dan hadiah. 2 pemain MBSJ telah menerima anugerah individu iaitu Pemain Muda Terbaik (Qaseh Rania) dan Pemain Terbaik (Nur Lyana Soberi).

- viii) Pengerusi turut mengambil peluang mewakili warga kerja MBSJ mengucapkan Marhaban Ya Ramadan. Semoga bulan yang suci ini disambut dengan hati yang bersih, saling memaafkan dan dianugerahkan kesihatan serta kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah hingga ke akhirnya.
- ix) Timbalan Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 12 iaitu antara 19 Februari 2023 hingga 25 Mac 2023, terdapat sebanyak 1,825 kes positif demam denggi berbanding dengan 965 kes dalam tempoh sama pada tahun 2022 melibatkan 16 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ dengan 11 lokaliti adalah di kawasan kediaman bertingkat.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan kediaman bertingkat dan masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bersih dan bebas daripada tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

4.0 TAKLIMAT RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN BAGI PLOT-PLOT PEMBANGUNAN DI SEPANJANG SUNGAI KLANG YANG MELIBATKAN CADANGAN PEMBANGUNAN SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)

Puan TPr Rozdiana binti Mohd Rosmi, Wakil PLANMalaysia@Selangor telah membentangkan Cadangan Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) yang melibatkan tanah rezab Sungai Klang di kawasan Bukit Lanchong 2 plot dan di kawasan Puchong 2 plot.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima taklimat Cadangan Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) yang melibatkan tanah rezab Sungai Klang di kawasan Bukit Lanchong 2 plot dan di kawasan Puchong 2 plot dan memutuskan perkara berikut :

- a) Cadangan pembangunan SMG ini memerlukan Pengubahan RTSJ2035, yang telah diluluskan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil 4/2022 pada 9 Disember 2022.
- b) Pihak Majlis telah bersetuju ke atas Pengubahan RTSJ2035 oleh pihak SMG dan juga mengambilkira cadangan-cadangan yang melibatkan pengubahan kecil seperti Jadual Klasifikasi Kegunaan Tanah daripada pihak Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar**

5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2023

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2023 bertarikh 23 Februari 2023 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2023

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.2/2023 bertarikh 23 Februari 2023 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

7.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2023 bertarikh 23 Februari 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 4/2023 bertarikh 2 Mac 2023**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 5/2023 bertarikh 16 Mac 2023**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis
Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2023 bertarikh 6 Mac 2023**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Tuan Ar. Kamarul	Hal-Hal Lain – Peruntukan	Beliau mencadangkan supaya peruntukan bagi program MPP

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Program MPP	<p>peringkat ke-3 (bulan Ogos) berjumlah RM 8,000.00 diawalkan bayaran pada bulan Julai 2023.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan bayaran peruntukan bagi peringkat ke-3 (bulan Ogos) berjumlah RM 8,000.00 akan dibuat secara EFT ke dalam akaun MPP pada bulan Julai 2023 menggunakan peruntukan Vot 39711 BNU Peruntukan Penyelenggaraan MPP (Jabatan Pembangunan Masyarakat).</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2023 bertarikh 14 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 18	Encik Chia Yew Ken	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pemantauan Tempat Letak Kereta	<p>Beliau mencadangkan supaya Ahli Jawatankuasa Kecil Pemantauan Tempat Letak Kereta terdiri daripada 6 orang ahli lantikan Jawatankuasa Kewangan melibatkan 3 orang daripada wakil DAP, 2 PKR dan 1 Amanah.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan 6 orang ahli Jawatankuasa Kecil Pemantauan Tempat Letak Kereta melibatkan 3 orang daripada wakil DAP, 2 PKR dan 1 Amanah. Ahli Majlis</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				kawasan turut akan dijemput sekiranya terdapat isu di kawasan mereka. Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2023 Bertarikh 17 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2023 Bertarikh 20 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2023 Bertarikh 20 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan permohonan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 1	Puan Lee Jen Uyin	Taklimat Pembentangan Laporan Berkenaan Struktur Telekomunikasi di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya oleh YTSB	Beliau memohon MBSJ mengambil tindakan segera terhadap pembinaan struktur telekomunikasi di USJ 11/2D yang mendapat bantahan daripada penduduk setempat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya surat kepada pihak YTSB bagi mengarahkan perobohan struktur yang telah dibina di USJ 11/2D dikeluarkan dengan kadar segera. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar

7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2023 Bertarikh 21 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 9.12 & m/s 57	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Pembaharuan Lesen bagi Paparan Iklan Luaran bagi Syarikat Seni Jaya Sdn.Bhd. di dalam kawasan Konsesi Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)	Beliau memohon supaya permohonan ini disemak semula dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang memandangkan permohonan terhadap struktur iklan telah ditolak. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat bersetuju supaya permohonan pembaharuan lesen paparan iklan bagi Syarikat Seni Jaya Sdn.Bhd. di dalam kawasan Konsesi Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) ditangguhkan dan disemak semula dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan akan datang. Tindakan: Jabatan Pelesenan

7.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2023 Bertarikh 22 Mac 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 11	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Lawatan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 27 Februari – 1 Mac 2023.	Beliau mengutarakan perkara berikut : i) Memohon penjelasan berkenaan hasil lawatan tersebut berhubung isu anjing liar serta kaedah penangkapan yang dilaksanakan. ii) Mencadangkan supaya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Majlis menyediakan kertas laporan lawatan dan menyerahkannya kepada YB Ng Sze Han untuk dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>iii) Mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kecil Anjing dan Kucing Liar bagi membincangkan lebih lanjut berkenaan isu tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara berikut:</p> <p>i) Hasil lawatan mendapati kaedah penangkapan MBPP adalah secara menggunakan jaring bagi menangkap anjing liar dan terdapat NGO yang dilantik memandulkan anjing liar serta melepaskan semula di</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>populasi yang ditangkap.</p> <p>ii) Kertas laporan lawatan akan diserahkan kepada YB Ng Sze Han untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>iii) Mesyuarat bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kecil Anjing dan Kucing Liar melibatkan 6 orang ahli terdiri daripada 3 parti DAP, 2 PKR dan 1 Amanah. Ahli yang dipilih adalah daripada Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Kesihatan</p>
2.	Para 7.5 (iii) & m/s 15	Encik Thomas Low Yew Sin	Hal-hal Lain : Encik Thomas Low Yew Sin	Beliau meminta pindaan terhadap minit mesyuarat daripada Jalan Sri Puchong 6 kepada Jalan Sri Puchong 6A.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kesihatan membuat pindaan terhadap nama jalan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
3.	Para 7.2 (iii) & m/s 13	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal Lain : Tandas	Beliau memaklumkan bahawa dalam Majlis Amanat Tahun Baharu Menteri KPKT pada 9 Januari 2023 yang lepas, YB Tuan Nga Kor Ming memaklumkan bahawa perkhidmatan asas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti jalan raya rata, kebersihan tandas awam, lampu terang dan longkang bersih merupakan misi utama dalam menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat. Menteri KPKT telah menetapkan piawaian supaya tandas-tandas awam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>perlu bertaraf 'BMW' iaitu Bersih, Menawan dan Wangi.</p> <p>Oleh itu, beliau memohon supaya Majlis menyediakan laporan berkaitan tandas yang berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis dan membentangkannya di dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kesihatan menyediakan laporan berkenaan tandas di kawasan pentadbiran MBSJ untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Pemberian Peruntukan Kepada Ahli Majlis Bagi Tujuan Perolehan Notebook / Tablet / Smart Phone (Kertas Mesyuarat Bil.6/3/2023)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan dibentangkan oleh Encik Samzol bin Saat, Pengarah Teknologi Maklumat MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima kertas cadangan dengan kelulusan seperti berikut :

Bil	Perkara
1.	Setiap Ahli Majlis diberikan peruntukan berjumlah RM 2,500.00 bagi perolehan satu unit notebook, tablet atau smart phone(tertakluk kepada pilihan sendiri).
2.	Peruntukan ini diberikan kepada Ahli Majlis bagi tempoh lantikan satu penggal perkhidmatan dengan MBSJ (penggal 2023, satu tahun)
3.	Sekiranya Ahli Majlis dilantik semula bagi tempoh satu penggal perkhidmatan dengan MBSJ (satu tahun) berikutnya, maka Ahli Majlis tidak layak membuat tuntutan baharu RM 2,500.00.

Kelulusan ini berkuatkuasa untuk pembelian bermula 1 Januari 2023.

Tindakan :
Jabatan Teknologi Maklumat

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Muhammad Fauzan bin Rosli, wakil daripada Parti Amanah.

9.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 31 Mac 2023

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS), K.M.N , P.J.K

Timbalan Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Pengerusi
Timbalan Datuk Bandar
2. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K. - Setiausaha
Timbalan Setiausaha Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
5. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Encik Teh Eng Teck - "
11. Puan Lee Jen Uyin - "
10. Encik Thong Kim Fatt - "
11. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 13. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 14. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 15. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 16. | Encik Ahmad Danish bin Hairudin | - | " |
| 17. | Puan Tanujah a/p Debul Singh | - | " |
| 18. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 19. | Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha | - | " |
| 20. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

18. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 3. | Encik Wong Yii Seang | - | " |

URUS SETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan